



Ruj. Kami : PPDKLG.600-3/3/1 Jld.4 (12)
Tarikh : 26 Jun 2025

Guru Besar,
Sekolah-sekolah Rendah Daerah Kluang.

Tuan,

**PERTANDINGAN PIDATO ASPIRASI GENERASI MADANI SEKOLAH RENDAH
PERINGKAT DAERAH KLUANG TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa SK Bandar Renggam selaku pengelola dengan kerjasama Sektor Pembangunan Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang akan menganjurkan pertandingan tersebut mengikut ketetapan berikut:

Tarikh : 2 dan 3 Julai 2025 (Rabu dan Khamis)
Masa : 7.30 pagi hingga 5.00 petang
Tempat : SK Bandar Renggam

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk memberi pelepasan kepada guru dan murid yang terlibat dalam pertandingan ini. Sebagaimana telah diputuskan dan dipersetujui sebulat suara dalam mesyuarat pengelolaan pada 25 Jun 2025 (Rabu) di SK Bandar Renggam, bahawa setiap sekolah yang menyertai pertandingan ini dikenakan yuran penyertaan sebanyak **RM 25.00 bagi setiap peserta** (Rujukan surat kelulusan: *JPNJ.800-4/5/11 JLD.9(28), 16 Mei 2025*). Bayaran ini adalah untuk urusan pengelolaan. Untuk makluman, makan dan minum peserta adalah di bawah tanggungan sekolah masing-masing.


4. Pembayaran boleh dibuat secara tunai atau cek kepada sekolah pengelola di atas nama **GURU BESAR SK BANDAR RENGAM** selewat-lewatnya pada **2 Julai 2025**.

5. Kerjasama daripada pihak tuan amat kami hargai. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada En. Hairul Azuan Bin Ahdan, Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid di talian 07-7741103.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan. Terima kasih.

"SYNERGY IN EXECUTION: CONQUER THE CHALLENGE"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI AYUB BIN IBRAHIM)
Pegawai Pendidikan Daerah Kluang
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang.

s.k Fail Ko-Akademik Sekolah Rendah